

Pelajar boleh ke pusat tahanan juvenil

KOSMO
20/10/08
M/S 3

PETALING JAYA - "Pelajar yang terbabit merakam aksi 'lucah' di kawasan sekolah bukan sahaja boleh dikenakan hukuman gantung persekolahannya atau dibuang, malah mereka boleh dimasukkan ke pusat tahanan juvenil."

Demikian tegas Timbalan Menteri Pelajaran, Datuk Razali Ismail yang kecewa terhadap segelintir pelajar sekolah yang sanggup merakamkan aksi 'melampau' dengan menggunakan telefon bimbit di sekolah dan menyebarkannya kepada umum.

Katanya, kementerian memandang serius gejala itu kerana ia mencemarkan institusi pendidikan negara dan lebih membimbangkan akan menggambarkan moral pelajar sekolah masa kini yang berada pada tahap rendah.

"Kami akan siasat kesahihan klip video yang diadu dan si perilakunya manakala bagi tindakan menghantar ke pusat tahan juvenil, kami diserahkan kepada polis kerana melibatkan penyebaran klip video berkenaan.

"Sepatutnya para pelajar ini ke sekolah untuk menuntut ilmu bagi memperoleh pengetahuan dan bukan melakukan kegiatan negatif itu," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan program Wacana Pemikiran dan Epestemologi Alam Melayu di Hotel Crystal Crown di sini, semalam.

Kosmo! semalam melaporkan mengenai perilaku beberapa pelajar sekolah menengah di Pantai Timur yang merakamkan aksi 'lucah' mereka di sekolah dengan menggunakan telefon bimbit sambil berpakaian baju sekolah tanpa rasa segan silu dan bersalah.

Ekoran penyebaran secara meluas klip video panas itu, Kementerian Pelajaran menubuhkan satu jawatankuasa khas yang dianggotai Pengarah Pelajaran negeri, Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta polis bagi melakukan siasatan terhadap klip video berkenaan.

Menurut Razali, walaupun klip video itu menggambarkan ia dilakukan oleh pelajar sekolah namun pihaknya tidak menolak kemungkinan ada di antara video berkenaan palsu.

Bagaimanapun tambahnya, beliau akui puncanya disebabkan penggunaan telefon bimbit di sekolah yang masih berleluasa meskipun larangan terhadapnya telah dibuat kerana para pelajar bijak menyembunyikannya.

"Pihak sekolah sentiasa buat *spot check* dan merampas telefon bimbit tersebut jika ditemui, namun kita lebih gemar mengambil pendekatan menasihati pelajar tentang mengapa larangan itu dibuat," ujarnya.